

Kenal pasti lokasi sesuai

Tidak mahu peniaga guna tanah rizab untuk berniaga

BUKIT BADONG – Kerajaan Negeri masih mengenali lokasi yang sesuai untuk menempatkan peniaga yang terjejas akibat kebakaran di tanah rizab sungai Jalan Sasaran Sungai Buloh, dekat sini.

Selain itu, perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) di daerah ini di adakan bagi mencari jalan penyelesaiannya.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, lokasi yang sesuai perlu dikenali bagi mengelakkan peniaga menggunakan tanah rizab untuk lokasi perniagaan dan tapak yang terjejas masih dikosongkan.

Menurutnya, sebarang bentuk pembinaan semula premis perniagaan dilarang sama sekali dibangunkan di tapak terbabit dan akan berbincang dengan Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Noraini Roslan untuk membuka pelan untuk

“ Saya bersama MDKS akan tentukan tanah sesuai untuk penempatan peniaga terbabit di kawasan berhampiran yang dirasakan baik bagi mereka dan hanya menetapkan satu keluarga satu kedai sahaja bagi mengelakkan kesulitan timbul.”

Abdul Khalid

premis peniaga.

“Saya bersama MDKS akan tentukan tanah sesuai untuk penempatan perniagaan terbabit di kawasan berhampiran yang dirasakan baik untuk mereka dan hanya menetapkan satu keluarga satu kedai sahaja bagi mengelakkan kesulitan timbul.

“Saya tidak mahu mereka menggunakan tapak rizab kerajaan untuk menjalankan perniagaan mereka dan berharap peniaga dapat bersabar,” katanya ketika hadir merasmikan Program Khidmat Masyarakat Belia di Dewan Orang Ramai Kampung Bukit Badong.

Terdahulu, Pegawai Daerah Kuala Selangor, Datuk Mohd Misri Idris berkata, Kerajaan Negeri memberi arahan kepada pentadbir daerah di sini supaya memantau tapak terbabit dan mengosongkan tapak kedai yang sebelum ini diusahakan 19 peniaga tanpa sebarang bentuk pembangunan.

Tambahnya, untuk makluman peniaga dan orang ramai, status tanah di Jalan Sasaran terbabit adalah rizab jalan dan rizab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuala Selangor dan sepatutnya tiada bentuk pembangunan dilaksanakan di kawasan



Abdul Khalid (kanan) beramah mesra dengan penduduk dan pelatih Kolej Impens ketika melawat kawasan sempena Program Khidmat Masyarakat Belia di Dewan Orang Ramai Kampung Bukit Badong.

berkenaan.

“Tawaran untuk tapak baru sudah dicadangkan untuk diberikan peniaga asal dan mereka juga sudah maklum bahawa tanah terbabit adalah milik kerajaan yang kini tidak

boleh digunakan atas tujuan perniagaan demi mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan berlaku lagi.

“Jadi, tindakan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor kini adalah me-

ngukur tanah milik JPS supaya mereka boleh membuat landskap atau pagar manakala rizab jalan terbabit akan dibersihkan sebelum kerja penambahbaikan jalan dilaksanakan,” katanya.